

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN LISAN**

**DARIPADA        :      YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah prinsip "*equidistant*" triri [triti] antarabangsa, konvesyen [konvensyen] Geneva, hukum kanun atau tuntutan sepihak dalam pengubalan titik-titik 48-52 dan 52-66 yang dipaparkan di Peta Baru Malaysia 1979.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pengisytiharan Peta Baru Malaysia 1979 (PBM 1979) telah dibuat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada 21 Disember 1979 menerusi pemberitahuan no. 5745. Peta ini yang terdiri daripada dua (2) lembar iaitu Syit 1 (Semenanjung Malaysia) dan Syit 2 (Sabah dan Sarawak) menunjukkan sempadan perairan wilayah dan juga sempadan pelantar benua Malaysia. Garis-garis sempadan maritim yang terhasil di dalam PBM 1979 adalah berdasarkan Undang-undang Laut Antarabangsa yang merujuk kepada *Convention on the Territorial Sea and the Contiguous Zone 1958*, *Convention on the Continental Shelf 1958*, perjanjian-perjanjian dua hala dengan negara-negara jiran, perjanjian-perjanjian sempadan dan undang-undang yang telah dibuat oleh penjajah-penjajah di rantau ini, Akta Pelantar Benua 1966 dan Ordinan No. 7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1969 mengenai perairan wilayah Malaysia dan tuntutan sepihak oleh Malaysia.

2. Prinsip *equidistant* atau sama jarak adalah konsep asas dalam penentuan batas sempadan maritim bagi negara-negara berjiran sama ada yang mempunyai garis-garis pantai yang bersebelahan ataupun garis-garis pantai yang bertentangan. Prinsip *equidistant* ini membolehkan batas maritim sesebuah negara diukur atau ditentukan dengan cara sama jarak daripada kedudukan titik-titik pangkal pada garis pantai negara-negara yang berjiran dan ianya ada dinyatakan di dalam *Article 6, Convention on the Continental Shelf, 1958* dan *Article 12, Convention on the Territorial Sea and the Contiguous Zone, 1958*.
3. Titik-titik 48 - 52 dan titik-titik 52 - 66 merupakan titik-titik sempadan pelantar benua Malaysia yang terletak di dalam Syit 2. Titik-titik 48 - 52 telah disusun berdasarkan kepada perjanjian yang telah ditandatangani di antara Malaysia dengan Indonesia bertarikh 27 Oktober 1969 iaitu '*Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia relating to the delimitation of the Continental Shelves between the two countries*'. Melalui perjanjian ini, kedudukan titik-titik 48 - 52 telah ditetapkan berdasarkan prinsip *equidistant* berpandukan tuntutan sempadan pelantar benua Malaysia dan Indonesia. Titik-titik 53 - 65 pula merupakan pengisyntiharan sepihak Malaysia yang ditentukan melalui prinsip *equidistant* berdasarkan kedudukan titik-titik pangkal Malaysia dengan titik-titik pangkal negara-negara berjiran iaitu Vietnam dan Filipina manakala titik 66 pula merupakan titik sempadan maritim Malaysia - Filipina yang diambil daripada *Treaty of Paris* di antara Amerika Syarikat dan Sepanyol bertarikh 10 Disember 1898.
4. Pada 8 Mei 2019, Jemaah Menteri telah bersetuju, antara lainnya supaya:

- a) PBM 1979 dikemas kini dari semasa ke semasa dengan memasukkan garisan sempadan maritim di antara Malaysia dengan negara-negara jiran bagi mana-mana segmen yang telah dimuktamadkan; dan

**NO. SOALAN : 366**

- b) Peta perairan negara yang baharu hanya akan diterbitkan setelah semua isu mengenai garis pangkal dan perbatasan sempadan maritim diselesaikan.
5. Susulan daripada keputusan tersebut, PBM 1979 kini sedang dikemaskini oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan memasukkan dua (2) segmen yang telah dimuktamadkan, iaitu sempadan maritim Malaysia - Singapura di Selat Johor dan sempadan maritim Malaysia - Brunei Darussalam. Penerbitan peta perairan negara yang baharu hanya akan diterbitkan setelah semua isu-isu berkaitan garis pangkal dan perbatasan sempadan maritim diselesaikan.

Sekian, terima kasih.